

15 APR 1996

Mempelam

SHAHIDAN CADANG INDUSTRI MEMPELAM DISWASTAKAN

KANGAR, 15 April (Bernama) -- Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim meminta sektor swasta menceburi tanaman mempelam secara besar-besaran di negeri ini berikutan buah itu kini mendapat pasaran menggalakkan di luar negara.

Hasrat menjadikan Perlis sebagai pengeluar utama mempelam seharusnya dimanfaatkan oleh sektor swasta, manakala rakyat pula memanfaatkan pasaran baik itu dengan meningkatkan pengeluaran komoditi itu, katanya.

Semasa berucap melancarkan penjualan mempelam jenis harumanis di Bukit Bintang dekat sini hari ini, Shahidan berkata semakin ramai menggemari mempelam harumanis malah ia sering dijadikan hidangan utama setiap kali lawatan pemimpin negara ke negeri ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat Perlis selama dua hari mulai 11 April lalu turut menggelarkan harumanis sebagai "raja mempelam" kerana keenakan rasanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Negeri, Encik Ibrahim Salleh menjangkakan sebanyak 400 tan mempelam harumanis dapat dihasilkan musim ini melalui enam projek tumpuan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) di utara Perlis.

Projek-projek itu dilaksanakan sejak awal 1990 di kawasan seluas 180 hektar di Bukit Bintang, Bukit Temiang, Paya Kelubi, Bukit Kedak, Hutan Lembah dan Bawah Bukit.

Sejak dituai 25 Mac lepas, sebanyak 116 tan mempelam harumanis bermutu tinggi telah dipasarkan ke seluruh negara terutama Johor, Pahang dan Kuala Lumpur. Penuaian dijangka berakhir 15 Jun ini.

Ibrahim berkata, meskipun keluasan kawasan projek tumpuan hanya 180 hektar tetapi keseluruhan kawasan (termasuk projek tumpuan) yang telah ditanami mempelam di seluruh negeri ini ialah 1,120 hektar yang diusahakan oleh petani.

-- Bernama.

AD AHH